



**SEBAHAGIAN** nelayan asing yang ditangkap oleh Martim Malaysia Kelantan baru-baru ini. - IHSAN MARITIM KELANTAN

# 18 nelayan asing langgar syarat tangkap ikan

UM 28/9/2024 pg 33

**PASIR PUTEH:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kelantan menahan sebuah vesel tempatan yang dinaiki 18 orang nelayan warga asing selepas melanggar syarat sah lesen iaitu melakukan aktiviti menangkap ikan pada jarak kurang dari yang dibenarkan dalam serbuan kira-kira 5.5 batu nautika dari Pulau Perhentian Besar, Terengganu dekat sini kelmarin.

Serbuan pukul 3.40 pagi itu di-

lakukan semasa anggota Maritim Malaysia Kelantan melakukan rondaan rutin menerusi Op Naga Barat, Op Damai dan Op Tipis.

Pengarahnya, Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi berkata, pemeriksaan yang dilakukan ke atas ke atas bot itu membawa kepada penangkapan 18 nelayan asing berusia antara 24 hingga 55 tahun.

Pemeriksaan mendapati mereka memiliki permit yang meragukan.

“Kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/1963,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Erwan Shah memberitahu, pada 19 September lepas pihaknya menahan seorang tekong warganegara Kemboja berusia 29 tahun selepas memiliki dokumen pengenalan diri yang meragukan.

“Saringan awal air kencing mendapati dia positif dadah jenis Amphetamine,” ujarnya.